

BAB 2

SISTEM I'RĀB BAHASA ARAB

2.0 Pengenalan.

Di dalam bab kedua ini, penulis akan membicarakan definisi sistem i'rāb dan sejarah perkembangan i'rāb dengan lebih terperinci. Selain itu, beberapa perkara yang berkaitan dengan sistem i'rāb seperti perkembangan bahasa Arab turut disentuh dalam bab ini.

2.1 Definisi

Perbincangan ini mengutarakan definisi perkataan "*sistem*" diikuti dengan definisi "i'rāb" dari segi bahasa dan istilah seperti dalam sub topik berikut.

2.1.1 Definisi Sistem

Menurut Kamus Dewan (2000:1292) Perkataan sistem berasal daripada perkataan Inggeris "*system*" yang bermaksud kumpulan pendapat (prinsip teori dan lain-lain) yang teratur dan tersusun (biasanya dijadikan pegangan) atau kaedah teratur untuk melakukan sesuatu. Manakala Oxford Advanced Learner's (1995:1212) turut bersetuju dengan definisi di atas seperti berikut "*a group of things or parts working together as a whole*". Oleh yang demikian, sistem dapat

diertikan sebagai prinsip teori yang teratur dan menjadi pegangan untuk bekerja sebagai satu pasukan.

2.1.2 Definisi I'rāb

Menurut Ibn al-Manzūr (tt:589) perkataan (الإِعْرَابُ) dan (الْعَرِيبُ) mempunyai pengertian yang sama iaitu; terang atau jelas (الإِبْلَاطُ أَوْ) (الإِبْضَاحُ). Ia digunakan untuk menjelaskan atau menerangkan sesuatu.

Manakala Ibrāhīm Anīs (t.t:591) berpendapat ia berasal daripada kata (أَعْرَبَ) yang bermaksud “fasih berbahasa Arab” sekalipun bukan daripada orang Arab. Sementara frasa (أَعْرَبَ اللُّغَةَ) menurut beliau bermaksud (بَيَّنَّ) iaitu “menjelaskan atau menerangkan”. Bagi Muḥammad ‘Alīy Abū al-‘Abbās (1996:7) pula, al-i'rāb ialah (الإِبْلَاطُ عَمَّا فِي) (الرَّقِيسِ) iaitu “menjelaskan sesuatu yang tersirat di dalam hati”.

Sementara itu, padanan kata yang sesuai bagi perkataan i'rāb (الإِعْرَابُ) dalam bahasa Inggeris ialah “*flection*” atau “*inflection*”. Manakala, Oxford Advanced Learner’s mendefinisikan “*flection*” atau “*inflection*” dengan maksud “*perubahan pada perkataan atau akhir perkataan bagi*

menunjukkan fungsi tatabahasanya". Hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui definisi berikut:

"The changing of the word form or word ending to show its grammatical function"

(Oxford Advanced Learner's:1998:610)

Manakala di dalam Kamus Dewan (2000:353) perkataan i'rāb (الإعرابُ)

dikenali sebagai "fleksi". Ia bermaksud *"perubahan bentuk kata mengikut perbezaan waktu, jantina, jumlah dan sebagainya"*.

Sementara Kamus Linguistik (1997:73), mendefinisikan fleksi sebagai *"proses atau hasil menambahkan imbuhan kepada kata dasar atau kata akar sesuatu kata untuk menunjukkan hubungan tatabahasa, fungsi dan aspek tertentu"*.

Menerusi definisi-definisi di atas, jelas menunjukkan perkataan al-i'rāb dari segi bahasa bermaksud *"menjelaskan atau menerangkan sesuatu kabur atau tersembunyi sehingga menjadi nyata"*. Jika al-i'rāb dikaitkan dengan penjelasan atau penerangan, ini bererti i'rāb mempunyai kaitan rapat dengan makna dalam sesuatu ayat sehingga maksud dan makna dapat dikenalpasti. Hal ini semakin jelas dengan kenyataan Ibn Fāris dalam *Ṣubḥīy Ṣāliḥ* (1960:118)

“ Sesungguhnya *i'rāb* dapat menjelaskan makna sehingga maksud orang bercakap dapat diketahui”.

Definisi-definisi seperti di atas turut dihuraikan oleh pakar-pakar bahasa yang lain seperti al-Syaukāniy (1994:43), Ṣubḥīy Ṣāliḥ (1960:117), Ramaḍān 'Abd al-Tawwāb (1994:372), dan Ibn al-'Uṣfūr al-Isybīlīy (1998:31).

Walaupun bagaimanapun, Ibn al-'Uṣfūr al-Isybīlīy (1998:31) telah tampil dengan definisi yang menarik dan akademik. Menurut beliau, *i'rāb* melibatkan perubahan fleksi di akhir perkataan yang berlainan pengubah fleksi (الْعَامِلُ). Ia menguasai (mengubah) sesuatu perkataan samada secara nyata (أَفْظًا) atau tanggapan (مَقْدِيرًا). Beliau turut memperincikan beberapa maksud *i'rāb* seperti berikut:

- i. Perubahan di akhir perkataan (الْمَغْيِيرُ فِي أَوَاخِرِ الْكَلِمِ). Definisi bermaksud bahawa berlaku perubahan baris di akhir sesuatu perkataan sahaja, tidak melibatkan sebarang perubahan di permulaan atau di pertengahan. Contohnya perubahan yang di sebabkan oleh kata mimitan (الْمَصْنَعِيُّ) atau kata bilangan partitif (الْمُتَكَسِّرِيُّ) seperti (زُجَّجِي) dan (أُسَيَّجِي).

- ii. Berlainan pengubah fleksi (لِإِحْتِلَافِ الْعَوَامِلِ). Dalam definisi ini bermaksud tidak melibatkan perubahan yang berlaku pada sesuatu perkataan yang melibatkan pengubah fleksi yang sama. Contohnya perubahan yang berlaku pada akhir perkataan seperti (أَفْعَى) ketika wakaf. Perkataan ini boleh wakaf secara tulisan dengan huruf (ي), (أ) dan (و).
- iii. Pengubah fleksi yang menguasai (merubah) perkataan (الدَّخْلُ عَلَيْهِ). Definisi ini bermaksud sesuatu perubahan yang berlaku terhadap sesuatu perkataan bukan disebabkan oleh pengubah fleksi tetapi disebabkan oleh perkataan yang lain. Contohnya ungkapan anda مَنْ زَيْدٌ bagi yang berkata جَاءَنِي زَيْدٌ, ungkapan مَنْ زَيْدًا bagi yang berkata رَأَيْتُ زَيْدًا dan ungkapan مَنْ زَيْدٍ bagi yang berkata مَرَرْتُ بِزَيْدٍ.

2.1.3 Definisi Sistem i'rāb

Berasaskan kepada definisi sistem dan definisi i'rāb, Muhammad 'Alīy Abū al-Abbās (1996:7) mendefinisikan sistem i'rāb dari perspektif fungsi dan peranan i'rāb . Menurut beliau, sistem i'rāb bukan sahaja bertindak menjelaskan pelbagai makna nahuan menerusi lafaz-lafaz tertentu

(الإِبْلَةُ عَنِ الْمُعَرَّبِي بِالْأَلْفَاظِ) di akhir perkataan, tetapi ia juga berfungsi menentukan jenis-jenis ayat yang mengandungi maksud penafian (الرَّيِّ), pertanyaan (الاسْتِفْهَامُ), seruan (السَّجُّبُ) dan sebagainya. Menurut Abū al-Abbās lagi, sistem i'rāb dapat membantu seseorang mengungkap dan mengurai sesuatu maksud dengan lebih mendalam menerusi penggunaan kata-kata yang khusus (الْمَخْصِصُ) dan penggunaan kata-kata pengukuhan (الْمُؤَكِّدُ) yang bertujuan mengelakkan keraguan pendengar dan pembaca.

Selain daripada definisi di atas, terdapat kecenderungan daripada pakar bahasa Arab untuk mendefinisikan sistem i'rāb daripada aspek fungsi nahuan. 'Abduh Rājīhīy (1988:16) telah mendefinisikan sistem i'rāb sebagai “ *tanda fleksi bagi perkataan tertentu yang membataskan kedudukannya atau fungsinya di dalam ayat* ”. Tambah beliau lagi, tanda fleksi ini terbentuk hasil kesan langsung kewujudan pengubah fleksi (الْعَامِلُ). Ini bermakna, sistem i'rāb bukanlah entiti yang berdiri sendiri tetapi perlu kepada entiti-entiti lain yang bergabung dalam ayat bagi membentuk ujaran yang jelas maksudnya. Secara rumusannya, 'Abduh Rājīhīy (1988:16) menyimpulkan sistem i'rāb mesti

mengandung empat entiti seperti pengubah fleksi (الْعَامِلُ) perubah fleksi (الْمَوْجِدُ), batas fungsi nahuan (الْمَوْجِدُ) dan tanda fleksi (الْعَلَامَةُ).

Jelas daripada kedua-dua definisi tersebut (bahasa dan istilah tatabahasa), para pakar bahasa telah menetapkan maksud i'rab sebagai "*penjelasan pelbagai maksud nahuan di dalam ayat menerusi perubahan-perubahan di akhir perkataan yang disebabkan oleh pengubah fleksi tertentu*". Justeru, pengkaji berpendapat sistem i'rab bahasa Arab pula dapat diertikan sebagai "*kumpulan pendapat atau kaedah yang teratur bagi mendapat penjelasan makna nahuan menerusi perubahan-perubahan di akhir perkataan yang disebabkan oleh pengubah fleksi dalam bahasa Arab*".

2.2 Sejarah Perkembangan I'rab

Para penganalisis sejarah perkembangan tatabahasa Arab tidak mengklasifikasikan i'rab sebagai topik yang berasingan dengan tatabahasa Arab. Sebaliknya mereka menganggap i'rab sebagai sebahagian daripada tatabahasa Arab itu sendiri. Justeru, penulis mendapati sebahagian mereka menyatakan i'rab itu ialah nahu bahasa Arab atau tatabahasa Arab itu sendiri. Fakta di atas telah disokong dengan kata-kata Umar al-Khaṭṭāb yang menggunakan perkataan al-i'rab dengan maksud nahu (tatabahasa Arab) ketika beliau menyuruh Abū al-

Aswad al-Du'ālīy mengajar nahu kepada penduduk-penduduk Baṣrah. (Al-Dajjānīy 1974:14). Oleh yang demikian, perbincangan berkenaan sejarah perkembangan i'rab adalah selari dengan sejarah perkembangan tatabahasa Arab.

Terdapat pelbagai faktor yang mendorong perkembangan i'rāb dan tatabahasa Arab khususnya melalui pembukuan ilmu dalam bidang tatabahasa Arab. Sekurang-kurangnya terdapat empat faktor utama sebagaimana yang disebut oleh al-Dajjānīy (1974: 41) dan Syawqīy Ḍaif (1968:11).

2.2.1 Faktor Agama

Keinginan yang sangat kuat di kalangan generasi awal Islam untuk memelihara nas-nas al-Qur'ān al-Karīm daripada kesilapan serta usaha yang bersungguh-sungguh untuk meletakkan al-Qur'ān di puncak kefasihan setinggi mungkin adalah penyebab utama pembukuan ilmu dalam bidang tatabahasa Arab. Ini ekoran pernah berlaku kesilapan oleh penutur Arab dalam pertuturan mereka amnya dan dalam bacaan al-Qur'ān khasnya. Gesaan daripada Rasulullāh s.a.w. supaya membetulkan bacaan orang lain mendorong generasi ini mencipta kaedah dan hukum yang boleh digunakan dalam pertuturan dan pembacaan al-Qur'ān oleh semua masyarakat Islam. Seterusnya ia

dapat mengelakkan orang Islam daripada kesilapan bacaan. Rasulullāh s.a.w. bersabda:

أَرشِدُوا أَخَاكُمْ فَلْيَلِّهُ فَضَلَّ

“Bimbinglah saudara se-Islam (untuk menguasai bacaan al-Qur’ān) kerana sesungguhnya mereka telah sesat (salah dalam bacaan al-Qur’ān)”.

(Alīy al-Muttaqīy :1:105).

Walaubagaimanapun, tahap kesilapan yang wujud pada masa itu masih berada di tahap yang minima. Namun, setelah kemasukan orang-orang non-Arab ke dalam Islam secara beramai-ramai keadaan menjadi bertambah buruk. Kesilapan dalam pembacaan al-Qur’ān semakin ketara bukan sahaja di kalangan orang-orang non-Arab bahkan di kalangan orang-orang Arab sendiri termasuklah para cendekiawan, pemimpin, jurucakap kerajaan dan lain-lain. Sejarah tatabahasa Arab telah mencatatkan al-Ḥajjāj Ibn Yusuf al-Thaqafīy telah tersilap membaca ayat al-Qur’an pada perkataan أَحَبَّ (al-Taubah 9: 24) iaitu;

قُلْ إِنْ كَانَ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالٌ اقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَارَةٌ تَخْشَوْنَ

كَسَادَهَا وَمَسَاكِينُ تَرْضَوْنَهَا أَحَبَّ إِلَيْكُمْ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّى يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ

وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٢٤﴾

Dia membaca huruf ba (ب) pada perkataan أَحَبَّ dengan fleksi nominitif yang ditandai dengan (ْ) sedangkan huruf ba (ب) perlu dibaca dengan fleksi akusatif yang ditandai dengan (َ) (al-Zubaidīy 1954 :22). Sementara itu, bagi orang-orang Islam yang terpaksa berhijrah ke wilayah-wilayah Islam yang baru bagi tujuan peperangan, pentadbiran dan penyebaran agama Islam, keupayaan mereka bertutur dalam bahasa Arab dengan fasih semakin lemah. Ini disebabkan percampuran mereka dengan bangsa-bangsa lain dan kedudukan mereka yang jauh daripada persekitaran masyarakat Arab yang mampu bertutur dengan fasih secara semulajadi (السَّلِيَّةُ) serta terpisah dengan kehidupan dan budaya hidup mereka (Syawqīy Ḍaif 1968:11).

2.2.2 Faktor Sosial

Perkembangan pesat negara Islam yang diasaskan oleh Rasulullah s.a.w. dan penguasaannya terhadap bandar-bandar besar serta tempat-tempat baru di luar semenanjung tanah Arab turut menyumbang kepada pembukuan ilmu dalam bidang tatabahasa Arab. Fenomena ini menyebabkan jumlah penduduk non-Arab yang terdiri daripada pelbagai bangsa menduduki sebahagian besar kawasan-kawasan penempatan baru. Jumlah mereka melebihi separuh penduduk Arab yang mendiami

kawasan tersebut. Mereka terdiri daripada bangsa Farsi, Siryan, Hindu, Rom dan sebagainya.

Selain daripada itu, setiap bangsa yang bukan Arab yang ingin tinggal di kawasan masyarakat Arab terpaksa memahami dan mempelajari bahasa Arab. Hal ini menyebabkan bahasa Arab sebagai medium perantaraan yang digunakan terdedah dengan kesilapan yang melampau. Menurut al-Dajjānī (1974:8). Kesilapan tidak hanya berlaku di kalangan penutur-penutur awam, bahkan menular masuk ke dalam rumah cerdikpandai mereka. Sehingga sampai ke peringkat pemerintah Islam terpaksa mengambil tindakan terhadap sesiapa sahaja yang melakukan kesilapan. Ekoran daripada itu, ulama Islam telah berusaha meletakkan asas dan kaedah bagi mengelakkan kesilapan.

2.2.3 Faktor Nasionalisme Arab

Menurut Syawqīy Ḍaif (1968:12) orang-orang Arab mempunyai semangat nasionalisme dan kebangsaan yang sangat kuat. Oleh yang demikian, mereka berusaha sedaya upaya untuk memelihara bahasa Arab dan mengambil berat tentangnya. Tambahan pula, Allah s.w.t telah memuliakan bangsa ini dengan mengutus seorang rasul dari kalangan mereka. Di samping itu, Allah sw.t. juga telah memilih bahasa Arab sebagai bahasa al-Qur'ān. Berdasarkan alasan tersebut, orang-orang Arab sangat taksud dengan bangsa dan bahasa mereka. Mereka berasa

amat bangga dan takjub dengan penghormatan yang Allah s.w.t. berikan kepada mereka. Salah satu bukti tentang sikap taksub dan perkauman bangsa Arab yang dapat dilihat ialah pembangunan kota Baṣrah sebagai kota ilmu dan tempat berkembangnya ilmu tatabahasa Arab (al-Dajjānīy 1974:53). Beliau turut menggambarkan keadaan setiap kabilah Arab yang berada di Baṣrah. Setiap kabilah mempunyai ketua masing-masing sebagai pemimpin. Keadaan kepimpinan mereka sama seperti pada zaman jahiliyyah. Mereka mematuhi arahan ketua masing-masing dalam soal peperangan dan perdamaian. Manakala bagi setiap kabilah mempunyai penyair-penyair yang mengalun-alunkan kasidah puji-pujian dan berbangga dengan kabilah masing-masing. Di antara penyair-penyair yang terkenal seperti al-Aḥnaf Bin Qīs ketua kabilah Tamīm di Baṣrah, al-Ḥakam Bin al-Munẓir Bin al-Jārūd Ketua kabilah Qīs, Mālik bin Masma' ketua kabilah Bakr dan sebagainya. Fenomena ini mewujudkan persaingan yang sengit di antara kabilah-kabilah Arab di Baṣrah. Masing-masing mempamerkan kebolehan menguasai pelbagai bidang terutamanya penguasaan bidang bahasa Arab. Oleh yang demikian, kota Baṣrah telah menjadi medan pertembungan pelbagai budaya dan ilmu pengetahuan sekaligus menjadikan ia sebuah kota yang sangat berperestij pada waktu itu. Semangat nasionalisme Arab ini terus bersemarak dilubuk hati setiap bangsa Arab termasuk cendikiawan-cendikiawannya.

Al-Tha'ālibīy telah mengungkapkan kata-kata yang menunjukkan semangat nasionalisme Arab seperti berikut:

“ Sesiapa yang mencintai Allah s.w.t., sesungguhnya ia telah mencintai Rasulnya Muḥammad s.a.w., sesiapa yang mencintai Rasulullāh yang berbangsa Arab, sesungguhnya telah mencintai bangsa Arab, dan sesiapa yang mencintai bangsa Arab sesungguhnya ia telah mencintai bahasa Arab.....”

(Al-Tha'ālibīy 1954:1)

Al-Tha'ālibīy percaya bahawa nabi Muḥammad s.a.w adalah sebaik-baik rasul yang diutus. Manakala bangsa Arab adalah sebaik-baik bangsa dan sebaik-baik lisan (bahasa) ialah bahasa Arab kerana ia adalah sebaik-baik alat untuk memahami agama. Manakala agama adalah punca kebahagiaan pada hari kebangkitan. Demikianlah faktor nasionalisme Arab memainkan peranan dalam meninggikan bahasa Arab dan seterusnya mendesak ke arah pembukuan ilmu bahasa Arab.

2.2.4 Faktor Politik

Faktor politik dapat dilihat dengan ketara. Apabila kuasa pemerintahan Islam berpindah kepada penguasa-penguasa dari kalangan banī 'Umayyāṭ yang diketuai oleh Mu'āwiyah bin Abī Sufyān. Dasar-dasar pemerintahan yang baru telah diperkenalkan oleh beliau. Hal ini sedikit sebanyak telah mengubah “*landscape*” sistem politik kenegaraan Islam terutamanya semangat nasionalisme Arab yang kuat. Menurut Aḥmad Amīn (1961:1:27) kerajaan banī 'Umayyāṭ bukanlah sebuah kerajaan yang adil dan saksama di dalam menjatuhkan hukuman terhadap rakyat.

Sebaliknya ia akan membela siapa saja yang menyokong bangsa Arab dan menghukum sesiapa sahaja yang bermusuh dengan bangsa Arab. Oleh kerana itu, segala kepentingan bangsa Arab menjadi keutamaan dasar pemerintahan banī 'Umayyāṭ termasuklah mewajibkan penggunaan bahasa Arab dalam urusan rasmi kerajaan sekalipun di wilayah-wilayah yang bukan penduduk Arab. Kesan daripada dasar-dasar yang dikuatkuasakan ini, penggunaan bahasa Arab semakin meluas di kalangan orang-orang yang bukan Arab.

2.3 Makna kesilapan Dan Hubungkaitnya Dengan

Sistem i'rāb (الإعراب).

Secara semulajadi orang-orang Arab bertutur dengan baik dan betul berlandaskan sistem i'rāb (الإعراب) tanpa belajar. Keadaan ini digambarkan oleh Ṣubḥīy Ṣāliḥ sebagai al-salīqaṭ (السليقة) (Ṣubḥīy Ṣāliḥ 1960:118). Kesilapan percakapan dalam bahasa Arab mula dikesan setelah orang-orang Arab bercampur dengan bukan Arab. Menurut Ṣubḥīy Ṣāliḥ (1960:119) orang-orang Arab telah mempraktikkan sistem i'rāb (الإعراب) dalam pertuturan, bacaan al-Qur'ān dan periwayatan ḥadīth. Hal ini terbukti dengan kewujudan sistem i'rāb (الإعراب) dalam sumber-sumber nahu Arab seperti al-Qur'ān, ḥadīth- ḥadīth nabi dan syair/puisi Arab Jāhiliyyaṭ. Kesemua sumber-sumber tersebut telah menjadi rujukan

manakala nas-nas tertentu telah diambil sebagai bukti nahuan (الشُّرَاهُذُ) oleh ahli tatabahasa Arab (Şubḥīy Şāliḥ 1994:127). Justeru, pakar-pakar sejarah tatabahasa Arab berpendapat sekiranya tiada percampuran orang-orang Arab dengan bukan Arab, mereka tidak melakukan kesilapan (اللَّحْنُ) dalam bahasa (Şubḥīy Şāliḥ 1994: 118, Ramaḍān ‘Abd al-Tawwāb 1994:387)

Tinjauan daripada aspek sejarah mengesahkan istilah kesilapan (اللَّحْنُ) dengan maksud “*ujaran yang bercanggah dengan pertuturan sebenar*” tidak digunapakai oleh orang-orang Arab (Şubḥīy Şāliḥ 1994: 127). Sebaliknya menurut beliau istilah kesilapan (اللَّحْنُ) hanya difahami sebagai “*kaedah atau gaya menyatakan sesuatu ucapan (التَّعْبِيرُ)*” seperti firman Allah s.w.t. وَلَتَعْرِفَنَّهُمْ فِي لَحْنِ الْقَوْلِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ أَعْمَالَكُمْ ﴿٣٠﴾ maksudnya “*dan kamu pasti mengenali mereka melalui gaya percakapan, sementara Allah s.w.t. amat mengetahui pekerjaan kamu*” (Surah Muḥammad 47:30).

Oleh itu, istilah kesilapan (اللَّحْنُ) tiada hubungan dengan istilah i'rāb (الإِعْرَابِ) pada masa tersebut sekalipun terdapat riwayat yang menggunakan istilah ini seperti yang dinyatakan oleh ‘Alīy al-Muttaqīy

(1313H:1:40). Beliau mengatakan Rasulullah s.a.w. bersabda “Sesiapa yang membaca al-Qur’an dengan i’rāb (الإِعْرَابِ) baginya pahala orang yang mati syahid” . Perkataan i’rāb (الإِعْرَابِ) dalam ḥadīth di atas, tidak menunjukkan makna sistem i’rāb (الإِعْرَابِ) seperti yang terdapat dalam bahasa Arab.

Kaitan istilah kesilapan (أَلَلْحُنُّ) dengan al-i’rāb (الإِعْرَابِ) muncul selepas percampuran orang-orang Arab dengan bukan Arab, berkembangnya agama Islam hingga ke negara-negara bukan Arab dan timbul minat yang mendalam bangsa bukan Arab mendalami Islam muncul.. Menurut Simsā’ah (1993:9), istilah kesilapan (أَلَلْحُنُّ) mempunyai pelbagai makna. Salah satu maksudnya ialah kesilapan (أَلَلْحُنُّ) yang terjadi di dalam sistem i’rāb (الإِعْرَابِ). Istilah ini telah digunakan oleh pakar-pakar bahasa Arab bagi menggambarkan keadaan penggunaan bahasa Arab yang salah (Simsā’ah 1993:9).

2.4 Hubungkait Al-I'rāb (الإعراب) Dan Nahu (النحو)

Dalam Dāiraṭ al-Ma'ārif (1963:542) istilah nahu (النحو) dan al-i'rāb (الإعراب) digunakan bagi menunjukkan makna yang sama. Begitu juga, dalam Wisāṭah turut menyatakan makna yang sama (Aḥmad Sulaimān Yāqūt (1993:18). Sebaliknya, Ibn Jinnīy telah menggunakan istilah al-i'rāb (الإعراب) pada salah satu tajuk buku beliau iaitu *سِدِّ صِلَاحِ الإِعْرَابِ*. Sekalipun buku tersebut tidak mengandungi perbincangan tentang al-i'rāb (الإعراب) kecuali beberapa tajuk kecil dalam bidang nahu (النحو) sahaja. Hal ini telah menampakkan lagi kesukaran dan kekeliruan dalam memahami dua istilah berkenaan. Selain itu, terdapat beberapa buku lain yang menggunakan istilah al-i'rāb (الإعراب) pada tajuknya namun kandungan buku tersebut tidak membincangkan masalah al-i'rāb (الإعراب) sebaliknya ia membincangkan persoalan nahu (النحو) contohnya buku (مُعْرِي اللَّيْبِ عَنِ كُتُبِ الْأَعْرَابِ) dan buku (إِعْرَابُ الْقُرْآنِ) oleh Ibn. Hisyām yang dinisbahkan kepada al-Zujājiy Abī Ishāk Ibrāhīm al-Sirrīy (Wafat 316 Hijrah).

Fakta di atas menjelaskan bahawa al-i'rāb (الإعراب) dan nahu (النحو) saling berkait rapat antara satu sama lain sehingga sebahagian ahli

bahasa menggunakan kedua-dua istilah dengan maksud yang sama seolah-olah tidak wujud perbezaan antara kedua-duanya.

Walaupun bagaimanapun, kenyataan Aḥmad Sulaimān Yāqūt (1993:18) dapat merungkai permasalahan ini. Menurut beliau, permasalahan al-i'rāb (الإعراب) merupakan faktor utama kemunculan ilmu Nahu (النحو). Ini adalah kerana, al- al-i'rāb (الإعراب) adalah paksi utama kepada ilmu nahu dan ilmu-ilmu lain yang berkaitan dengan bahasa Arab. Tambah beliau lagi, kesilapan-kesilapan dalam sistem al-i'rāb (الإعراب) adalah faktor utama yang mendorong Abū al-Aswad al-Du'ālīy meletakkan asas ilmu nahu (النحو). Kenyataan di atas telah diperkuat oleh pandangan Abū al-Barakāt (1955:17) yang menyatakan bahawa Abū al-Aswad al-Du'ālīy telah menyusun ilmu nahu (النحو) secara ringkas setelah beliau meletakkan titik fleksi pada al-Qur'ān.

Kesimpulan daripada fakta di atas, al-i'rāb (الإعراب) bukanlah nahu (النحو) sebaliknya ia merupakan satu unsur daripada unsur-unsur nahu (النحو) yang lain. Namun al-i'rāb (الإعراب) berbeza dengan unsur-unsur nahu yang lain disebabkan ia adalah paksi kepada nahu (النحو). Hal ini

terbukti apabila bab-bab yang terdapat dalam buku-buku nahu telah disusun berdasarkan kandungan al-i'rāb (الإعراب) seperti kumpulan kata nama nominatif (الْمَرْفُوعَاتُ), kumpulan kata nama akusatif (الْمَنْصُوبَاتُ) dan kumpulan kata nama genitif (الْمَجْرُورَاتُ) dan sebagainya (Aḥmad Sulaimān Yāqūt 1993:18).

2.5 Senario Sistem I'rāb (الإعراب) Bahasa Arab

Sejarah perkembangan tatabahasa Arab telah menyajikan pelbagai pandangan tentang sistem i'rāb (الإعراب) di kalangan pengkaji dalam bidang ini. Sebahagian pandangan yang dikemukakan amat bertentangan antara satu sama lain sehingga menimbulkan perdebatan yang hebat di kalangan mereka. Manakala selainnya memperkuat dan memperlengkap pandangan tokoh-tokoh sebelumnya. Kehangatan perdebatan ini amat terasa apabila wujudnya penglibatan tokoh-tokoh bahasa di peringkat global dalam membahaskan isu ini. Gambaran tentang pandangan mereka dapat difahami seperti berikut:

2.5.1 Teori-Teori Sistem I'rāb (الإعراب).

Terdapat perbezaan pandangan dan teori di kalangan pakar bahasa Arab terhadap konsep i'rāb. Sebahagian mereka menyatakan kepelbagaian fleksi tidak membawa implikasi makna manakala sebahagiannya

mengakui pengaruh fleksi terhadap makna. Berikut adalah teori-teori terperinci oleh tokoh bahasa Arab.

2.5.1.1 Teori Quṭrub (206 Hijrah)

Beliau ialah Abū ‘Alīy al-Mustanīr atau Quṭrub Merupakan orang yang mengasaskan pandangan bahawa fleksi dalam sistem i‘rāb tidak menunjukkan makna-makna tertentu seperti makna pelaku (الْفَاعِلُ), objek (الْمَفْعُولُ), sandaran (الإِضْرَافِيُّ) dan sebagainya. Pandangan beliau dalam masalah i‘rāb terdapat di dalam al-Asybah Wa al-Nazāir oleh al-Sayūṭīy (1984:1:108) dan al-Īdāh oleh al-Zujājīy (1959:70) seperti berikut:

"وَأَيُّمَا أَعْرَبَتْ الْعَرَبُ كَلَامَهَا؛ لِأَنَّ الْأِسْمَ فِي حَالَةِ الْوَقْفِ يَلْزِمُهُ السُّكُونُ لِلْوَقْفِ فَلَوْ جَعَلُوا وَصْلَهُ

بِالسُّكُونِ أَيْضًا لَكَانَ يَلْزِمُهُ الْإِسْكَانُ فِي الْوَقْفِ وَالْوَصْلِ وَكَانُوا يُبْطِئُونَ عِنْدَ الْإِدْرَاجِ فَلَمَّا وَصَلُوا

وَأَمَكَّنَهُمُ التَّحْرِيكَ مُعَاقِبًا لِلْإِسْكَانِ؛ لِيَعْتَدِلَ الْكَلَامُ"

“ Orang-orang Arab sentiasa menandai setiap hujung perkataan (apabila bercakap) dengan tanda fleksi (عَلَامَةُ الْإِعْرَابِ). Hal ini disebabkan kata nama (الاسم) ketika hentian (الْوَقْفُ) memerlukan senyapan (السُّكُونُ) Begitu juga ketika mereka menyambung percakapan (الْوَصْلُ) kata nama (الاسم) tetap dalam keadaan senyapan (السُّكُونُ) juga. Jadi, sama ada ketika hentian (الْوَقْفُ) mahupun sambungan (الْوَصْلُ) ia tetap dalam keadaan senyapan (السُّكُونُ) tidak berubah. Mereka teragak-agak menyebut (lambat) hujung perkataan ketika hentian (الْوَقْفُ), lalu ketika hendak menyambung percakapan (الْوَقْفُ) mereka akan terus menyebutnya

dengan kasus-kasus tertentu atau tanda fleksi (عَلَامَةُ الْإِعْرَابِ) tertentu sebagai ganti senyapan (السُّكُونُ) bertujuan menyeimbangkan perkataan....”

Beliau berpandangan bahawa kasus atau tanda fleksi (عَلَامَةُ الْإِعْرَابِ) pada sistem i'rāb hanyalah untuk mempermudah dan mempercepatkan percakapan serta mengelakkan pertembungan dua huruf dengan fleksi hentian (السَّقَاءُ السَّلْكَ ذَنْبِ) terutamanya ketika menyambung percakapan (الْوَصْلُ).

2.5.2.2 Teori Ibn Maḍā al-Qurṭubīy

Nama penuh beliau ialah Aḥmad Bin al-'Abbās Bin Muḥammad bin Maḍā al Qurṭubīy. Seorang tokoh yang bersifat kontroversi disebabkan pemikirannya yang tidak selari dengan ahli tatabahasa Arab lain. Beliau meninggal pada tahun 592 Hijrah. Menerusi bukunya “*al-Rad Alā al-Nuhāṭ*” Dārul I'tiṣām, al-Qāhiraṭ 1979, beliau telah mengemukakan gagasan teori dan kritiknya terhadap usaha tokoh-tokoh tatabahasa sebelumnya. Kesannya, teori dan gagasannya dalam bidang tatabahasa Arab mendapat tentangan hebat oleh tokoh-tokoh bahasa Arab terdahulu seperti al-Sayūṭīy (1984:1:108), al-Zujājīy (1959:70) dan tokoh-tokoh moden seperti Ṣubḥīy Ṣāliḥ (1960: 103), Ramaḍān 'Abd al-Tawwāb (1994:230) dan Ibrāhīm Samirrā'īy (1987:233). Di antara teori beliau yang menonjol ialah pengguguran beberapa kaedah nahu yang penting seperti

pengguguran teori kuasaan (الْعَمَلُ) yang merupakan asas utama dalam sistem i'rāb. Baginya perdebatan hebat antara aliran Baṣrah dan aliran Kufah dalam menentukan pengubah fleksi yang terdapat pada subjek (أَلَمْ يَخَاءُ) dan pengubah fleksi yang terdapat pada kata kerja kala kini (أَلَمْ ضَلَّعُ) adalah tidak bererti.

Manakala kaedah perbandingan (الْقَوَائِمُ) yang telah diamalkan oleh para ahli tatabahasa Arab terdahulu menurutnya tidak menggambarkan keistimewaan bahasa Arab sebagai bahasa al-Qur'ān malah menggambarkan ketandusan dan kemiskinan bahasa tersebut (Ibn. Maḍā al-Qurṭubīy 1979: 12). Oleh yang demikian, beliau mencadangkan sistem i'rāb perlu dihapuskan.

2.4.2.3 Teori Ibrāhīm Anīs.

Menurut seorang pakar bahasa Arab Ramaḍān 'Abd al-Tawwāb (1994:373) Ibrāhīm Anīs dikatakan telah terpengaruh dengan pandangan Quṭrub. Pandangan beliau dapat diikuti menerusi buku karangan beliau "Min Asrār al-Lughah" Qāhiraṭ 1966. Berikut dinyatakan secara ringkas beberapa pandangan beliau dalam masalah i'rāb:

- A. Tanda fleksi yang terdapat dalam sistem i'rāb seperti nominatif (مَرْفُوعٌ) , genitif (مَجْرُورٌ) dan akusatif (مَنْصُوبٌ) tidak membawa

makna nahuan (الْوَطِيفُ الرَّحْوِيُّ) sama ada makna pelaku (الْفَلَعِيُّ), objek (الْمَفْعُولِيُّ), sandaran (الْإِضْرَافِيُّ) dan sebagainya. Ia hanyalah sebuah mitos yang sangat indah seperti yang dinyatakan oleh Ibrāhīm Anīs (1950: 125) berikut:

مَا أَرَوَعًا قِصْرًا! لَقَدْ اسْتَعَدَّتْ خِيُطُهَا مِنْ ظَوَاوِرِ لُؤْيِيٍّ مُنْهَنَّةٍ بَيْنَ قَبْلَتَيْ الْجَزِيرَةِ الْعَرَبِيَّةِ بَعْدَ

حَيْكَلْتِ وَبَعْدَ نَسْجَةِ حَظِيكَةِ مُحَكَّمَةٍ فِي أَوَاخِرِ الْقَوْنِ الْأَوَّلِ الْوَجْرِيِّ أَوْ أَوَائِلِ الثَّلَاثِيِّ عَزَى بِي قَوْمٌ

مِنْ صُرْدَاعِ الثَّلَامِ نَفَرُوا وَعَشُرُوا مُعْظَمَ حَظِيمِ فِي السَّبْعِ الْعَرَقِيِّ.

“ Alangkah menariknya kisah ini! Asasnya berkembang setelah mendapat dorongan faktor fenomena bahasa yang meluas di kalangan kabilah-kabilah di semenanjung Arab. Kemudian, asas ini diolah berkait-kait sehingga sempurna sebagai doktrin bahasa yang dominan pada hujung kurun pertama Hijrah atau pada awal kurun kedua Hijrah oleh oleh sekumpulan pakar bahasa yang tinggal dan menjalankan aktivitinya di beberapa kawasan di sekitar ‘Iraq”

B. Tanda-tanda fleksi (عِلَامَةُ الْإِعْرَابِ) hanya merupakan tanda harakat

bagi mengelakkan pertembungan dua huruf pada fleksi hentian

(السَّلَامَةُ السَّرَاكِنِيَّةُ) ketika menyambung percakapan (الْوَصْلُ). Seterusnya

beliau mendakwa para ahli tatabahasa Arab merekacipta sistem

i'rāb kerana terlalu ghairah untuk menghasilkan sebuah kaedah

yang tersusun rapi.

أَنَّ النَّحْوَةَ فَهَ إِبْتِكُرُوا بَعْضَ ظَوَاهِرِ الْإِعْرَابِ وَقَلَّسُوا بَعْضَ الْأَصْرُؤْلِ رَغْبَةً مِنْهُمْ فِي الْوُصُولِ إِلَى قِيَاحِ مُطَرِّدَةٍ مُنْسَجَمَةٍ.

“ Para pakar bahasa Arab terlalu ghairah merekacipta beberapa fenomena i‘rab (aspek i‘rab) lalu, mereka membandingkan (التَّوَلِّيَيْنِ) beberapa asas bahasa (dengan sistem bahasa yang sedia ada) bertujuan menghasilkan kaedah bahasa yang baru dan lebih sesuai.”

(Ibrāhīm Anis 1950: 139)

C. Beliau turut mengatakan bahawa terdapat dua agen pengubah (الْعَامِلُ) yang mempengaruhi tanda-tanda fleksi (عَلَامَةُ الْإِعْرَابِ). Agen ini dapat mengelakkan pertembungan dua huruf dengan kasus hentian (الْقَائِدُ السَّرَّكَرَيْنِ) iaitu; kesan sebahagian huruf terhadap fleksi-fleksi tertentu seperti kesan huruf ḥalqīy (huruf-huruf yang terbit dari kerongkong) terhadap tanda fathah (َ) dan kecenderungan untuk mengikuti fleksi-fleksi yang bersebelahan dikenali sebagai *vowel Harmony*.

D. Para ahli tatabahasa Arab terdahulu telah tersilap tanggapan terhadap tanda-tanda di akhir perkataan atau tanda fleksi (عَلَامَةُ الْإِعْرَابِ) ketika mendengarnya dari orang Arab badwīy. Justeru, mereka menganggap tanda fleksi tersebut membawa makna

nahuan sama ada makna pelaku (الْفَاعِلِيَّةُ), objek (الْمَفْعُولِيَّةُ), gabungan (الإِضْرَافِيَّةُ) dan sebagainya.

- E. Beliau seterusnya mengatakan para ahli tatabahasa Arab telah meletakkan tanda-tanda fleksi di akhir perkataan hanya setelah mereka mengetahui tanda-tanda fleksi tersebut membawa makna nahuan lantas disesuaikan dengan kaedah tatabahasa yang mereka cipta sedangkan tiada keperluan untuk meletakkan tanda-tanda fleksi tersebut.
- F. Wujud keadaan yang tidak memerlukan tanda fleksi pada akhir perkataan seperti yang terdapat dalam syair-syair dan teks-teks Arab klasik. Hal ia tidak menyebabkan kecacatan pada *wazan syair* dan citarasanya (الذُّوقُ). Sekalipun ia bercanggah dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pakar-pakar ilmu 'arūd.

Walaupun Teori Quṭrub, Ibn Maḍā al-Qurṭubī dan Ibrāhīm Anīs telah mendapat kritikan oleh tokoh-tokoh bahasa Arab lama dan moden. Ramaḍān 'Abd al-Tawwāb (1994:382) telah menyimpulkan kritikan tokoh-tokoh bahasa Arab seperti berikut:

A. Terdapat sistem i'rāb (الإعراب) yang lengkap dalam bahasa-bahasa Sāmiyyaṭ lama dan bahasa al-Akādiyyaṭ termasuklah bahasa al-Bābiliyyaṭ dan bahasa al-Asyuriyyaṭ. Menurut Ramaḍān 'Abd al-Tawwāb (1994:382) di dalam kanun Hamurabi (1792-1750 sebelum Masihi) yang dicetak dalam bahasa al-Bābiliyyaṭ terdapat sistem i'rāb yang lengkap seperti dalam bahasa Arab fuṣṣḥah. Kanun Hamurabi menyatakan pelaku (فَاعِلٌ) adalah fleksi nominitif (مَرْفُوعٌ), objek (مَفْعُولٌ) adalah fleksi akusatif (مَنْصُوبٌ) manakala fleksi nominitif (مَرْفُوعٌ) ditandai dengan tanda (ُ), fleksi akusatif (مَنْصُوبٌ) ditandai dengan tanda (ِ) dan fleksi genitif (مَجْرُورٌ) ditandai dengan tanda (ٍ). Malahan menurut beliau lagi ia turut menjelaskan tentang fleksi kata duaan (مُشْتَكٍ) adalah fleksi nominitif (مَرْفُوعٌ) dengan tanda fleksi huruf alif (ا) ketika akusatif (مَنْصُوبٌ) dan genitif (مَجْرُورٌ) dengan tanda fleksi huruf ya' (ي) dan kata jama' maskulin (مُذَكَّرٌ) adalah nominitif (مَرْفُوعٌ) dengan tanda fleksi huruf waw (و) ketika akusatif (مَنْصُوبٌ) dan genitif (مَجْرُورٌ) dengan

tanda fleksi huruf ya' (ي) sama seperti yang terdapat dalam bahasa Arab.

- B. Al-Qur'ān al-karīm yang telah turun secara mutawātir telah dibaca dengan i'rāb dan diriwayatkan secara lisan (شَفَوَى) dari satu generasi ke generasi yang lain. Adalah sesuatu yang mustahil sekiranya Rasulullāh s.a.w. tidak membariskan hujung perkataan ketika menyampaikan al-Qur'ān atau membaca nas-nas al-Qur'ān kecuali apabila ada keperluan untuk menyambungkan satu perkataan dengan perkataan yang lain atau untuk mengelakkan pertembungan di antara dua huruf yang bertanda sukun (◌ْ) ketika bercakap secara bersambung. Sukar untuk dibayangkan ketika Rasulullāh s.a.w. membaca al-Qur'ān tanpa i'rāb. Sekiranya Rasulullāh membaca al-Qur'ān tanpa i'rāb nescaya terdapat riwayat-riwayat yang menjelaskan tentangnya.
- C. Tulisan al-Qur'ān yang telah sampai kepada kita secara mutawātir menguatkan lagi kewujudan sistem i'rāb (الإعراب) dalam bahasa Arab fuṣḥah. Ternyata, isu tentang sistem i'rāb (الإعراب) dalam bahasa Arab bukan satu kisah atau ciptaan ahli tatabahasa Arab seperti yang didakwa oleh sesetengah orang. Jika benar dakwaan

mereka apa pula yang akan mereka katakan tentang huruf alif (ا) pada tulisan resam 'Uthmānīy ketika akusatif (مَنْصُوبٌ) dengan tanwin (ٍ) Jika diperhatikan firman Allah s.w.t وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ (surah) dengan firman Allah s.w.t yang lain وَلَا تَحْسَبَنَّ اللَّهَ غَافِلًا (surah) sukar untuk difahami perubahan tanda fleksi pada huruf lam (ل) yang pertama dengan fleksi genitif (لِ) dan yang kedua dengan kasus akusatif (لَ) sekiranya kewujudan sistem i'rāb (الإعراب) dalam al-Qur'ān diabaikan. Menurut Abdul Wāhid Wāfiy (1956:209) kaedah penulisan dalam muṣḥaf rasam 'Uthmānīy dapat menunjukkan kelemahan dakwaan pendapat ini. Ini adalah kerana muṣḥaf rasam 'Uthmānīy menggunakan rumus-rumus tertentu sebagai tanda-tanda fleksi. Contohnya tanda-tanda fleksi dengan huruf seperti perkataan (الْمُؤْمِنُونَ) dan tanda fleksi yang akusatif yang bertanwin (ً) seperti رَسُولًا , شَهِيدًا , بَصِيرًا dan sebagainya telah lama wujud sebelum wujudnya golongan yang menolak sistem i'rāb (الإعراب) dan sebelum era berkembang nahu di Baṣraṭ dan Kūfaṭ lagi. Oleh yang demikian, sistem i'rāb (الإعراب) dalam bahasa Arab adalah benar.

2.5.2.4 Teori Karl Voller

Beliau merupakan orientalis yang menolak kewujudan sistem i'rāb dalam bahasa Arab. Pandangan beliau termuat di dalam buku karangan beliau berbahasa Perancis "*Volkssprache und Schriftsprache in alten Arabien*" dalam Ramaḍān 'Abd al-Tawwāb (1994: 378). Beliau berpendapat bahawa teks-teks asli al-Qur'ān telah ditulis dengan salah satu dialek-dialek tempatan yang paling berpengaruh. Dialek-dialek tersebut tidak mempunyai sistem i'rāb termasuklah kasus nominatif (مَرْفُوعٌ), kasus genitif (مَجْرُورٌ) dan kasus akusatif (مَنْصُوبٌ). Sementara sistem i'rāb yang ada dalam bahasa Arab fuṣḥah atau bahasa al-Qur'ān pada hari ini adalah ciptaan para ahli nahu bahasa Arab semata-mata.

2.5.2.5 Teori Paul E. Kahle

Beliau mengatakan al-Qur'ān yang turun kepada Muḥammad s.a.w tidak mengandungi tanda-tanda fleksi seperti yang ada sekarang. Hanya selepas zaman khalifah ke tiga (633 Hijrah-655 Hijrah) ia telah dilengkapi dengan tanda-tanda fleksi yang lengkap hasil ciptaan pakar-pakar tatabahasa Arab tanpa merubah tulisan al-Qur'ān. Berdasarkan fakta tersebut, jelas menunjukkan bahawa sistem i'rāb dalam bahasa Arab tidak pernah wujud dalam bahasa Arab sebaliknya merupakan ciptaan dan rekaan ahli tata bahasa Arab sahaja. Bagaimanapun, teori Karl Voller dan teori Paul E. Kahle mendapat kritikan daripada beberapa tokoh orientalis yang mengatakan sistem

i'rāb sememangnya wujud dalam bahasa Arab bukannya rekaan seperti yang didakwa. Paul E. Kahle mengkritik dua teori di atas dalam buku karangannya dalam bahasa Perancis "*Einige Bemerkungen Über die Sprache der alten Araber*" dalam Ramadān 'Abd al-Tawwāb (1994:380). Beliau menjelaskan ketika nabi Muhammad s.a.w. mengajarkan al-Qur'ān kepada bangsa Arab adalah sesuatu yang mustahil mengatakan beliau s.a.w bertutur dengan bahasa pertuturan yang tidak digunakan oleh orang Arab pada masa itu. Sudah sewajarnya beliau bertutur dengan dialek yang paling berpengaruh (لهجَة سَائِدَة) dan meluas penggunaannya di Mekah. Dialek yang paling berpengaruh (لهجَة سَائِدَة) ialah dialek yang dipilih oleh penyair-penyair untuk merakam karya-karya mereka yang berbentuk syair-syair, ucapan-ucapan, qasidah-qasidah dan lain-lain. Sementara Ciri-ciri i'rāb dapat dilihat dengan jelas menerusi khazanah-khazanah syair-syair Arab Badwi yang menjadi kebanggaan masyarakat Arab pada masa tersebut. Sudah pasti Rasulullah s.a.w. menitikberatkan ciri-ciri i'rāb dalam pembacaan al-Qur'ān. Hal ini sudah pasti dituruti oleh masyarakat Arab lain.

Seterusnya beliau berpendapat sekiranya nabi Muhammad s.a.w. serta siapa sahaja yang hidup sezaman dengannya membaca al-Qur'ān tanpa i'rāb, nescaya akan terdapat banyak riwayat-riwayat yang menjelaskan mengenainya namun, sehingga kini tidak terdapat satupun riwayat yang

menjelaskan hal yang berkenaan (membaca al-Qur'ān tanpa i'rāb) Ramaḍān 'Abd al-Tawwāb (1994:380).

Kesimpulan daripada fakta di atas ialah terdapat golongan yang mempertikaikan kewujudan sistem i'rāb (الإعراب) dalam bahasa Arab dan mempertahankan dakwaan bahawa sistem i'rāb (الإعراب) adalah rekaan kelompok-kelompok tertentu yang menjalankan aktivitinya di sekitar Iraq hingga ke hari ini sekalipun teori-teori mereka mendapat kritikan oleh ahli bahasa Arab yang lain.

2.6 Peranan Dan Fungsi Sistem I'rāb

Peranan dan fungsi sistem i'rāb kelihatan dengan jelas menerusi definisi perkataan i'rāb (الإعراب) itu sendiri. Seperti yang telah dijelaskan, perkataan i'rāb (الإعراب) dan ta'rib (التعريب) dari segi bahasa bermaksud menerangkan atau menjelaskan (الإيضاح أو الإبانة) (Ibn al-Manzūr tt:589, Ibrāhīm Anis t.t:591, Muḥammad 'Alīy Abū al-'Abbās1996:7). Oleh yang demikian, fungsi sistem i'rāb (الإعراب) ialah menjelaskan dan menerangkan sesuatu permasalahan yang kabur menjadi jelas. Fungsi dan peranan yang dimainkan oleh sistem i'rāb (الإعراب) sangat luas

meliputi hampir keseluruhan disiplin ilmu khususnya yang berkaitan dengan al-Qur'ān dan bahasa Arab. Contohnya, pakar perundangan Islam sangat mengambil berat persoalan i'rāb (الإعراب) kerana menerusi perubahan-perubahan di akhir perkataan i'rāb (الإعراب) dapat memberi kesan kepada makna. Ini boleh menyebabkan perselisihan pendapat di kalangan mereka sekalipun kecil (Sulaimān Yāqūt 1993:177). Sehubungan dengan itu, al-Syāfi'īy di dalam Ibn al-'Amad al-Ḥambalīy (1350H :268) menyatakan “*Aku tidak ditanya tentang sesuatu masalah dalam ilmu feqah kecuali aku menjawabnya berdasarkan kaedah nahu*”. Dalam contoh yang lain, Abū 'Umar al-Jurmīy telah berkata “ saya telah mengeluarkan fatwa kepada orang ramai dalam masalah fiqh berdasarkan kitab Sībawayh” (al-Sayūtiy tt:268). Sementara kitab yang berjudol (الإِنصَافُ فِي مَسْأَلَةِ الْخِلافِ بَيْنَ نَحْوِيَّ الصَّرَةِ وَاللُّؤْفَةِ) hasil karya Ibn. al-Anbārīy disusun berdasarkan perbezaan pandangan dalam bidang feqah antara dua tokoh perundangan Islam iaitu al-Syāfi'īy dan Abū Ḥanīfaṭ (Muḥammad Muḥyiddīn 1955:3).

Selain itu, sistem i'rāb (الإعراب) juga turut memainkan peranan yang penting dalam bidang pentafsiran al-Qur'ān secara al-Ra'y (الْفَسْرُ بِالرَّأْيِ).

Pentafsiran al-Qur'ān dengan cara ini, amat bergantung kepada ijtihad ahli tafsir tersebut dalam memahami ayat-ayat al-Qur'ān yang

berlandaskan kefahaman mendalam mengenai sistem i'rāb (الإعراب). Menurut Sulaimān Yāqūt (1993: 189), kaedah pentafsiran ini sangat baik sekiranya pentafsiran ayat-ayat al-Qur'ān bukan bertujuan hawanafsu. Terdapat juga tafsiran yang jauh menyimpang dan tidak mengikut ketetapan sistem i'rāb (الإعراب). Menurut Şubḥīy Şāliḥ (1969: 293), adakalanya pentafsiran daripada kelompok-kelompok Islam mentafsir al-Qur'ān secara al-ra'yi (التفسير بالرأي) untuk hawa nafsu serta menggunakan ayat al-Qur'ān bagi membenarkan dasar kepercayaan mereka (الأصول اللامعية) contohnya seperti tafsir kelompok al-Mu'tazilaṭ (المعتزلة), al-Mutaşawwifaṭ (المشروقة) dan al-Bāṭinaṭ (الباطنة). Tafsīr bi al-Ra'yi (التفسير بالرأي) tersebut muncul selari dengan kemunculan kumpulan-kumpulan Islam sekitar zaman pemerintahan 'Uthmān al-'Affān (35 H) hingga pemerintahan Mu'āwiyāṭ (41 H).

Pengkaji akan membawa satu contoh tafsīr bi al-Ra'yi (التفسير بالرأي) yang memanipulasi fungsi sistem i'rāb (الإعراب) daripada salah satu kelompok Islam iaitu kelompok al-Mu'tazilaṭ. Tafsir yang paling terkenal daripada kelompok ini ialah tafsir "al-Kasyāf 'an haqāiq al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwīl fī wujūh al-Ta'wīl" oleh Abū al-Qāsīm Jārullāh bin Umar

al-Zamakhsharīy. Dalam dasar kepercayaan (الأُصُولُ اللّٰمِيَّةُ) kelompok al-Mu‘tazilat mereka menafikan Allah s.w.t. menciptakan sesuatu yang buruk atau Allah s.w.t. tidak menjadikan sesuatu kecuali yang baik. Oleh yang demikian, bagi menyelaraskan dasar kepercayaan (الأُصُولُ اللّٰمِيَّةُ), mereka menolak partikel ma (مَا) dalam ayat ﴿مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ﴾ (Surah al-Falaq 113 :2) sebagai partikel ma (مَا) kategori penyambung (الْمَوْصُلُ) dengan maksud “yang” disebabkan ayat di atas bermaksud “daripada kejahatan yang Ia (Allah s.w.t) jadikan” Sebaliknya mereka menghukumkan partikel ma (مَا) sebagai ma (مَا) al-Masdariyat (الْمَصْدَرِيَّةُ) dengan maksud (مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ لِقِهِ) “daripada kejahatan makhluknya (Allah s.w.t. tidak menciptakan kejahatan)”. Secara jelas al-Zamakhsharīy telah menolak sebarang kejahatan itu daripada Allah s.w.t. kerana Allah s.w.t. hanya mencipta kebaikan sahaja selaras dengan dasar kepercayaan (الأُصُولُ اللّٰمِيَّةُ) kelompok al-Mu‘tazilat (al-Zamakhsharīy 1925:2:568). Ini jelas menunjukkan fungsi sistem i‘rāb (الإِعْرَابُ) yang telah dijadikan alat untuk tujuan tertentu dalam bidang tafsīr bi al-ra’y (التَّفْسِيرُ بِالرَّأْيِ) oleh kelompok al-Mu‘tazilat .

Selain digunakan untuk mengukuhkan dasar kepercayaan (الأُصُولُ) kelompok-kelompok Islam tertentu, fungsi sistem i'rāb (الإِعْرَابِ) turut menyumbang dalam menentukan hentian-hentian (الْوَقْفُ) pada ayat-ayat al-Qur'ān. Menurut Sulaimān Yāqūt (1993: 208) implikasi hentian (الْوَقْفُ) sangat jelas pada makna dan i'rāb (الإِعْرَابِ). Hal ini disebabkan setiap tempat hentian (الْوَقْفُ) mewakili situasi i'rāb (الإِعْرَابِ) yang khusus. Sebarang penyimpangan tempat hentian (الْوَقْفُ) akan menghasilkan situasi i'rāb (الإِعْرَابِ) dan makna yang berbeza. Ibn al-Jazariy (tt:juzuk1:225) menyatakan sekiranya hentian (الْوَقْفُ) terjadi pada perkataan (أَنْتَ) pada ayat وَأَرْحَمْنَا أَنْتَ. مَوْلَانَا فَانصُرْنَا (surah al-Baqarah 2:286), perkataan (أَنْتَ) di sini akan jadi kata penguat (تَلْقِيْدٌ) bagi ganti nama pelaku pada frasa (أَرْحَمْنَا). Ini telah mengubah situasi i'rāb (الإِعْرَابِ) sekaligus maknanya. Ia amat berbeza dari segi makna dan situasi i'rāb (الإِعْرَابِ) sekiranya hentian (الْوَقْفُ) terjadi selepas perkataan (فَانصُرْنَا). Sementara frasa (مَوْلَانَا) adalah katanama seru (مَنْ ادى) yang digugurkan partikel serunya (أداة النِّدَاءِ). Contoh lain sekiranya terjadi wakaf pada

frasa (لَا تُشْرِكْ) pada ayat يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ (surah Luqmān 31:13) sambungan pada ayat ini akan membentuk pola ayat sumpahan (بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ). Situasi ini adalah tidak wajar dan tidak bersesuaian dengan maksud wahyu Allah s.w.t .tersebut.

Kesemua contoh di atas menjelaskan bahawa setiap hentian berupaya mencipta situasi i'rāb (الإعراب), manakala situasi i'rāb (الإعراب) yang berubah-ubah pula berupaya menghasilkan makna yang berlainan. Sehubungan itu, untuk mewujudkan keseragaman pada hentian (الوقف) tidak boleh hentian (الوقف) pada kata nama muḍhāf (مُضَافٌ) tanpa kata nama muḍhāf ilaihi (مُضَافٌ إِلَيْهِ), kata nama adjektif (المرتع) tanpa kata nama sifatan (المرتع وت) atau kata nama objek yang disifatkan, pengukuhan (مؤكد) tanpa muakkad (مؤكد), ma'tuf (معطوف) tanpa ma'tuf alaihi (معطوف عليه), badal (بدل) tanpa mubdalnya (مبدل), kata kerja kana (كان), inna (إن) dan zonna (ظن) tanpa katanamanya dan isimnya tanpa predikatnya, al-musthana minhu (مستثنى منه) tanpa istithna' (استثناء) dan mausul (الموصول) tanpa silah (الصلة) (al-Sayūṭīy 1935:1:84).

Secara kesimpulannya, fungsi sistem i'rāb (الإعراب) sangat penting dan

membawa implikasi yang besar kepada fahaman, pegangan serta hukuman terhadap sesuatu fakta terutamanya yang berkaitan dengan ayat-ayat al-Qur'ān.

2.7 Penutup.

Berdasarkan huraian mengenai sistem i'rāb (الإعراب), jelas menunjukkan bahawa sistem ini berperanan menjelaskan sesuatu yang kabur atau tersembunyi sehingga menjadi nyata menerusi tanda harakat yang berbeza-beza di akhir perkataan. Justeru, sistem i'rāb (الإعراب) memainkan peranan yang sangat penting dalam proses pengembangan ilmu dan pengetahuan serta mendapat perhatian istimewa oleh pakar-pakar dalam bidang tertentu khususnya yang berkaitan dengan al-Qur'an dan bahasa Arab.